



31 Januari 2013
31 January 2013
P.U. (A) 22

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

KAEDAH-KAEDAH LALU LINTAS JALAN (LARANGAN
PEMANDUAN KENDERAAN BARANGAN) 2013

*ROAD TRAFFIC (PROHIBITION ON DRIVING OF
GOODS VEHICLES) RULES 2013*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

KAEDAH-KAEDAH LALU LINTAS JALAN (LARANGAN PEMANDUAN
KENDERAAN BARANGAN) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 88(1)(c) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri, setelah berunding dengan Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan (Larangan Pemanduan Kenderaan Barangan) 2013**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 8 Februari 2013.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, “kenderaan barangan” ertinya mana-mana jenis kenderaan yang diperihalkan dalam Jadual Pertama dan Kedua.

Larangan

3. Pemanduan mana-mana kenderaan barangan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama di mana-mana bahagian mana-mana jalan dilarang pada 8, 9, 16 dan 17 Februari 2013 bagi masa yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama.

Pengecualian

4. (1) Kenderaan barangan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dikecualikan daripada kaedah 3.

(2) Walau apa pun kaedah 3 dan subkaedah (1), Menteri boleh mengecualikan mana-mana kenderaan barangan daripada mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditentukan olehnya.

JADUAL PERTAMA

[Kaedah 3]

KENDERAAN BARANGAN YANG DILARANG

(1)	(2)
<i>Jenis Kenderaan Barangan</i>	<i>Masa Larangan</i>
(a) Lori balak dan lori yang membawa bahan binaan seperti simen, besi, keluli, batu, pasir dan tanah	sepanjang masa
(b) Jentera berat	sepanjang masa
(c) Lori kontena/kargo yang membawa barang-barang elektronik/elektrik dan lori kontena/kargo yang berulang-alik di antara pelabuhan dengan lapangan terbang yang tidak berada di tempat yang sama	dari 12.00 tengah malam hingga 6.00 pagi
(d) Lori pembancuh simen, kren bergerak dan lori jongket yang membawa batu, pasir dan tanah	(i) sepanjang masa; atau (ii) dari 6.00 petang hingga 6.00 pagi di kawasan Lembah Kelang (70 km dari pusat bandar) dan di kawasan Johor Bahru, Ipoh dan Kuantan (50 km dari pusat bandar) tertakluk kepada had masa operasi yang dibenarkan di jalan tertentu